

NC sasar ramai mengundi



**PILIHAN RAYA
KAMPUS
2 Oktober 2007**

KUANTAN - Naib Canselor (NC) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela berharap sekurang-kurangnya 85 peratus daripada keseluruhan para pelajarnya turun mengundi dalam pilihan raya kampus 2007/08 hari ini.

"Tahun lalu, seramai 81 peratus daripada kira-kira 3,000 pelajar kita turun mengundi dan kali ini, saya sasarkan ia meningkat ke 85 peratus.

"Untuk mendapat gred A dalam peperiksaan pun kita kena dapat markah lebih 85 peratus," katanya kepada *KOSMO!*

di Kampus UMP, Gambang, di sini baru-baru ini.

Dr. Mohamed Said turut melahirkan rasa puas hati dengan penggunaan sistem e-voting yang akan digunakan dalam pilihan raya kampus di UMP hari ini.

"Tahun lalu, kita sudah pun menggunakan sistem ini dan ternyata ia berkesan dan telus. Dua elemen iaitu selesa dan sejahtera menjadikan para pelajar seronok untuk turun mengundi," ujarnya.

Beliau turut berharap calon-calon yang terpilih kelak dapat memikul amanah yang diberi dengan penuh rasa tanggungja-

wab.

"Tempoh enam hari berkempen yang diberi kepada calon diharap telah digunakan sebaik mungkin oleh mereka untuk menyatakan hasrat dan manifesto masing-masing," katanya.

Daripada 22 calon yang tersenarai, 15 daripada mereka akan dipilih hari ini untuk membentuk barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di UMP bagi sesi 2007/08.

Lapan calon berentap bagi mengisi lima kerusi umum sementara 14 calon merebut 10 kerusi fakulti, iaitu dua kerusi bagi setiap fakulti di UMP.